



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعۃ انسانیت
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI PERJUMPAAN BULANAN KAKITANGAN**

PADA : 09 MAC 2017



TEKS UCAPAN REKTOR
MAJLIS PERJUMPAAN BULANAN KAKITANGAN

*Dewan Tuanku Permaisuri Hajah Haminah
Kolej Universiti INSANIAH
9 Mac 2017 bersamaan 10 Jamadilakhir 1438H*

BismiLLAH ar-Rahman ar-Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, wassola tu wassalam 'ala sayyidil mursalin,
wa 'ala aalihi wasahbihi ajmai'n

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1 Malaysia dan Salam
Kedah Muafakat.

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdullah bin Osman
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

YBhg. Dato' Hj. Bukhari bin Abdullah
Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan & Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Tn. Hj. Abdullah bin Hashim
Pendaftar KUIN

YBrs. En. Mohd Zamri bin Shahdan
Bendahari KUIN

Ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, seterrusnya Kakitangan Akademik &
Pentadbiran KUIN yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita sekali lagi diberikan peluang untuk bersama-sama berkumpul dalam dewan yang indah ini untuk **Majlis Perjumpaan Bulanan Rektor bersama Kakitangan KUIN.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi.

Perjumpaan berkala seumpama ini merupakan satu pendekatan dan platform yang terbaik bagi sebuah organisasi seperti KUIN ini, untuk kita memupuk serta membina kekuatan, kebersamaan dan kesatuan, yang akhirnya akan menjadikan kita sebuah keluarga yang satu. Inilah merupakan teras utama yang perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh setiap yang bergelar kakitangan KUIN. Kesatuan, semangat dan kefahaman inilah yang akan membantu kita dalam memacu ke arah pembangunan jangka masa panjang KUIN dengan jayanya.

Kita perlu ingat bahawasanya, untuk mencapai sesuatu kejayaan perlulah terlebih dahulu menghadapi segala rintangannya. Untuk menghadapi rintangan ini, kita perlulah berjuang sedaya mungkin dan untuk berjuang, kita perlulah melengkapi diri dengan segala ilmu pengetahuan dan kekuatan. Inilah perjalanan sebenar yang perlu dilalui oleh setiap IPT, terutamanya IPTS seperti KUIN, untuk terus kekal berjaya dalam pasaran dan industri pendidikan hari ini. Pendek kata, tiada jalan pintas untuk berjaya. Maka, asas kefahaman inilah yang perlu kita perkemaskan, yang perlu kita tanamkan dalam jiwa dan minda. Apatah lagi dalam usaha kita menuju ke arah sebuah Universiti Penuh.

Tuan-tuan & puan-puan yang saya hormati.

Suka saya untuk memperingatkan diri saya dan hadirin sekalian, sudah tiba masanya untuk kita melakukan bedah siasat, kita perlu melihat apakah kelemahan yang terkandung dalam diri kita, apakah tindakan yang wajar diambil dan diperbaiki, demi mengorak langkah yang lebih maju ke hadapan.

Dengan mengenalpasti kelemahan dan kesilapan lalu, adalah diharapkan kita dapat berusaha lebih gigih untuk memperbaiki setiap kelemahan dan kesilapan lalu untuk kita terjemahkan hasil yang jauh lebih baik dari sebelumnya. Lihatlah ke hadapan dan berfikirilah di luar kotak untuk terus kekal produktif, kreatif dan lebih berdaya saing. Inilah hakikat dunia hari ini. Kita akan terus ketinggalan, jika kita tidak mahu berubah. Jadi, saya menyeru kepada semua kakitangan agar dapat mempersiapkan diri untuk berubah kepada yang lebih baik, serta bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melangkah lebih jauh dalam industri pendidikan ini, menuju ke arah sebuah Universiti penuh sedikit masa lagi.

Oleh itu, kita telah pun mula mengedar salinan Pelan Strategik KUIN 2017-2027 kepada Dekan-Dekan Kulliyah dan Ketua-Ketua Jabatan sebagai langkah agresif untuk memberi kefahaman secara menyeluruh terhadap laman teras utama yang bakal menjadi sumber rujukan kepada kakitangan dalam merealisasikan pelan pembangunan KUIN ini. Ianya juga merupakan KPI yang perlu dicapai dan dilaksanakan, demi masalah generasi seterusnya, Insya Allah.

Hadirin sekalian.

Alhamdulillah, kita telah pun selesai membentangkan kepada pihak KPT untuk permohonan naik taraf KUIN kepada IPTS bertaraf Universiti pada 27 Februari 2017. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh pasukan KUIN yang terlibat dalam menjayakan pembentangan ini. Pihak KPT telah memberikan petunjuk yang begitu positif dan kita berserah kepada Allah SWT dan bersabar menanti keputusan akhir permohonan naik taraf ini nanti.

Terdahulu, pada 22 Februari 2017, kita juga telah menerima lawatan pemantauan MQA dan MMC untuk program MBBS dan telah menerima maklumbalas yang cukup positif. Kita doakan agar program MBBS ini akan dapat memenuhi segala kriteria yang ditetapkan, seterusnya mencapai akreditasi penuh menjelang bulan Mei 2017.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Hashim, mantan Timbalan Dekan Kulliyah Perubatan & Sains Kesihatan serta Dr. Shahidan bin Hashim, Pensyaran Kanan Kulliyah Perubatan & Sains Kesihatan yang telah pun tamat tempoh perkhidmatan bersama KUIN.

Seterusnya, kita sedang giat mempersiapkan diri untuk lawatan audit pematuhan MQA pada 12 dan 13 Mac 2017. Pasukan KUIN yang diketuai oleh Timbalan Rektor HEA & Antarabangsa, Pusat Jaminan Kualiti, Bahagian Sumber Manusia serta pihak Kulliyah antara yang sedang sibuk dengan persiapan akhir. Kita doakan agar segala urusan akan dipermudahkan Allah SWT dan berjalan dengan lancar.

Hadirin yang dirahmati Allah.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Pn. Taibah binti Hashim, Penyelaras Program Kejururawatan dan pasukannya yang telah menjayakan Seminar Pendidikan Kejururawatan pada 22 Februari 2017.

Tidak lupa juga kepada barisan pensyarah dan pelajar Kulliyyah Hospitaliti & Perkhidmatan Halal yang telah mengharumkan nama KUIN pada Penang Halal Chefs Challenge 2017 yang berlangsung pada 25 Februari 2017. Tahniah di atas pencapaian yang sangat membanggakan ini.

Tahniah dan selamat datang saya ucapkan kepada ahli baru KUIN iaitu Prof. Madya Dr. Abu Hashim bin Ahmad dan Prof. Madya Dr. Harif Fadzillah bin Che Hashim, tenaga akademik di Kulliyyah Perubatan & Sains Kesihatan. En. Mohd Nasir bin Zakaria, Penolong Pendaftar di Jabatan Bendahari.

Sekalung tahniah diucapkan kepada lantikan baru iaitu:

- Ustazah Norazlina binti Zakaria, Dekan Kulliyyah Usuluddin.
- Prof. Madya Dr. Jamil bin Yaacob, Timbalan Dekan Kulliyyah Perubatan & Sains Kesihatan.
- Dr Mukhamad Hadi Musolin Subagio, Ketua Unit Urusan Penyelidikan di Research Management Unit (RMU).

Tahniah juga diucapkan kepada pasukan PRO yang diketuai oleh Tn Hj. Hamlan bin Din yang sedang giat mempromosikan KUIN dalam kembara Karnival MARA sejak hujung Februari dan dijangka akan berlanjutan sehingga April 2017. Suka saya ingatkan di sini bahawa, tugas promosi ini bukan sahaja terletak di bahu mereka sahaja, malahan setiap dari kita juga harus memainkan peranan sebagai kakitangan untuk turut mempromosikan KUIN. Gunakan kesempatan ini dan daftarlah sebagai Agen Ujrah untuk menyokong usaha promosi KUIN dengan lebih cemerlang.

Akhir kata, saya menaruh harapan tinggi agar seluruh warga KUIN dapat mengamalkan budaya korporat berlandaskan Islam, menyucikan hati dengan menanam benih-benih *mahmudah*, saling bantu membantu dan bersatu hati, serta terus gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh intergriti. Insya Allah, pekerjaan kita sepanjang tempoh perkhidmatan di KUIN akan jauh lebih harmoni dan bermakna.

Saya mendoakan agar Allah SWT sentiasa memayungi KUIN dengan rahmat-Nya dan mempermudah segala urusan dan usaha murni kita semua, Insya Allah.

Sekian,

**WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHl WABARAKAATUH.**